

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN  
(PARIT)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 11.06.2015**

**Y.B.DATO' HAJI MOHD ZAIM BIN ABU HASAN [ PARIT ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah hutang terkini daripada sumber pinjaman dalam negeri yang melibatkan agensi kewangan dalam negeri seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Bagaimana struktur pembayaran balik hutang-hutang tersebut dilakukan oleh Kerajaan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

**Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan pada akhir Mac 2015 adalah**

**sebanyak RM596.8 bilion atau 51.0% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK).** Daripada jumlah berkenaan, **97% atau RM579.2 bilion adalah hutang domestik, sementara bakinya RM17.6 bilion atau 3% merupakan pinjaman luar pesisir.** Kedudukan hutang Kerajaan Persekutuan kekal terurus dan dikategorikan sebagai negara keberhutangan sederhana.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebahagian besar hutang Kerajaan Persekutuan tersebut yang meliputi bon Kerajaan yang diterbitkan di pasaran domestik adalah sebanyak 72.4% daripadanya dipegang oleh pelabur institusi utama seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (21.3%), Kumpulan Wang Amanah Pencen (3.9%), institusi perbankan tempatan (26.0%) dan pelbagai institusi lain (21.2%) seperti syarikat insurans, institusi kewangan pembangunan, institusi bukan kewangan dan lain-lain pemegang termasuk Bank Negara Malaysia. Selebihnya atau 27.6% lagi dipegang oleh pelabur bukan pemastautin. Pembayaran balik hutang adalah dibuat berdasarkan kepada jadual pembayaran yang telah ditetapkan oleh pemegang bon, sukuk serta pemberi hutang yang lain.

Tuan Yang Di-Pertua,

3. Kerajaan terus komited dalam memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan tidak melebihi 55% daripada KDNK. Bagi memastikan paras hutang Kerajaan Persekutuan kekal rendah dan terurus, langkah konsolidasi fiskal akan terus diamalkan bagi mengurangkan paras defisit secara berperingkat. Kedudukan ini seterusnya akan mengurangkan keperluan Kerajaan untuk meminjam dan dapat menurunkan paras hutang. Kepatuhan yang tegas terhadap disiplin fiskal serta pengurusan hutang yang baik terus diberikan penekanan bagi memastikan kedudukan fiskal dan makroekonomi terus kukuh serta dapat menampung sebarang krisis.